



PERBADANAN PUTRAJAYA
Kompleks Perbadanan Putrajaya
24, Persiaran Perdana
Presint 3, 62675 Putrajaya
Wilayah Persekutuan Putrajaya
www.ppj.gov.my
Tel : 03-8887 7778

KOD BORANG: **UB614**

BORANG SEMAKAN PERMOHONAN KELULUSAN PELAN KERJA-KERJA KECIL DAN UBAHSUAI KEDIAMAN

(Sila kemukakan borang permohonan ini yang telah dilengkapkan melalui Sistem OSC 4.0 PPj)

- Nota:**
- Permohonan yang **LENGKAP sahaja** diterima untuk Pengemukakan Elektronik (Sistem OSC PPj).
 - Borang ini boleh dipinda oleh PPj dari semasa ke semasa. Sila rujuk kepada borang yang terkini dalam Sistem OSC PPj dalam **website <http://osc.ppj.gov.my>**.
 - Bagi sebarang kerja pengubahsuaian berskala besar seperti yang ditakrifkan di bawah sek.16, Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974, Kelulusan Mendirikan Bangunan hendaklah diguna pakai bagi maksud mendapatkan suatu kelulusan pelan untuk memulakan pengubahsuaian tersebut.**
 - PSP-Submitting Person** (Arkitek Profesional/Jurutera Profesional /Pelukis Pelan Berdaftar).
 - Fi Berganda dalam nilai 20x** Jumlah Keseluruhan Fi Kena Bayar hendaklah dijelaskan ketika permohonan dikemukakan. melalui Sistem OSC, PPj, sekiranya sebarang kerja-kerja telah dimulakan di tapak tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada PPj.

BIL.	PERKARA	STANDARD NAMA FAIL	FORMAT
A.	KEPERLUAN DOKUMEN		
1.	Surat permohonan oleh <i>Orang Utama Yang Mengemukakan (PSP)</i> Nyatakan dengan jelas tujuan pengubahsuaian, ruang dan struktur yang terlibat, bil. unit dll. Rujuk contoh yang dilampirkan.	UB_SURAT_PSP	PDF
2.	Surat lantikan perunding bagi setiap khidmat perunding PSP dan SP yang mengemukakan permohonan (Arkitek, Jurutera Profesional Dengan Perakuan Amalan).	UB_SURAT_LANTIKAN_PSP	PDF
3.	Salinan Sijil Pendaftaran PSP terkini Lembaga Arkitek Malaysia	UB_LAM	PDF
4.	Salinan Sijil Pendaftaran SP terkini Lembaga Jurutera Malaysia. (JIKA BERKAITAN).	UB_LJM	PDF
5.	Borang A-Perakuan Pelan Bangunan oleh PSP . (Sila pastikan tarikh terkini, potong mana yang tidak berkenaan untuk tajuk, ruj. contoh standard jadual lukisan & no.lukisan pengemukakan pelan)	UB_BORANG_A_PSP	PDF
6.	Borang A-Perakuan Pelan Struktur oleh SP (Jurutera Profesional dengan Perakuan Amalan). (JIKA BERKAITAN). (Sila pastikan tarikh terkini, potong mana yang tidak berkenaan untuk tajuk, ruj. Contoh standard jadual lukisan & no.lukisan pengemukakan pelan)	UB_BORANG_A_SP	PDF
7.	Pelan dan Kiraan Struktur diperakui oleh Jurutera Profesional dengan Perakuan Amalan di setiap helaian. (JIKA MELIBATKAN PERUNTUHAN DAN PEMBINAAN STRUKTUR KONKRIT BERTETULANG).	UB_STRUKTUR_*	PDF
8.	Salinan MyKad Pemilik/Penyewa Berdaftar. (diakui sah)	UB_IC	PDF
9.	Salinan resit pembayaran cukai taksiran terkini (yang telah dijelaskan)	UB_CUKAITAKSIRAN	PDF
10.	Salinan resit pembayaran cukai tanah terkini (yang telah dijelaskan)	UB_CUKAITANAH	PDF
11.	Gambar terkini tapak. (gambar menunjukkan keadaan semasa tapak dan bertarikh tidak lebih daripada 4 hari dari tarikh permohonan).	UB_GAMBAR	PDF

BIL.	PERKARA	STANDARD NAMA FAIL	FORMAT
12.	Surat tiada halangan Daripada Pemilik jika premis disewa	UB_KEBENARANPEMILIK	PDF
13.	Surat kelulusan Kebenaran Merancang Tempoh Terhad (KMTT) yang sah laku dari Jabatan Perancangan Bandar, PPj (penggunaan premis kediaman sebagai Taska/Tadika, Pusat Jagaan Warga Emas, Pusat Pembelajaran dsbnya); (JIKA BERKAITAN).	UB_KMTT	PDF
14.	Salinan Perjanjian Jual-Beli (S&P) (mengandungi maklumat pemilikan dan pelan premis);	UB_S&P	PDF
15.	Surat sokongan (wajib) daripada Jiran Bersebelahan (kiri, kanan dan belakang) sekiranya skop kerja pengubahsuaian melibatkan kerja perobohan dan konkrit tetulang samada di luar atau di dalam bangunan. Rujuk contoh yang dilampirkan;	UB_JIRAN	PDF
16.	Jadual pengiraan fi.	UB_KIRAANFI	PDF
B.	PELAN-PELAN/MAKLUMAT ASAS DALAM PELAN YANG DIPERLUKAN		
17.	Satu (1) salinan Pelan Digital dalam format PDF yang LENGKAP.	UB_PELAN_*	PDF
	Keperluan Am; a. Tajuk Permohonan, Tandatangan, cop dan alamat pemilik dan PSP pada setiap helaian; b. Perakuan PSP/SP, tandatangan, alamat dan cop LAM/LJM pada setiap helaian pelan (rujukan kepada UKBS Selangor 1986); c. Warnakan mengikut format warna kelulusan Ubahsui – MERAH/BIRU.		
	Pelan (Pelan Kunci, Pelan Lokasi, Pelan Tapak, Pelan Lantai, Pelan Bumbung, Pelan Tampak, Keratan dsbnya yang berkaitan).		
	Pelan Diagramatik Perpaipan Air dan Sanitari Dalaman (JIKA MELIBATKAN TAMBAHAN SINKI/BILIK AIR).		
	Jadual Pencahayaan, Pengudaraan Semulajadi & Laluan Udara Tanpa Halangan atau Surat Perakuan Pematuhan kepada uuk41, UKBS (Selangor) 1986 (jika menggunakan kaedah pengudaraan mekanikal) (JIKA MELIBATKAN TAMBAHAN BILIK-BILIK ATAU MEMECAH KECIL RUANG SEDIA ADA MENJADI BILIK-BILIK BAHARU).		
	Pelan Kiraan Kawasan Lapang (JIKA MELIBATKAN TAMBAHAN BUMBUNG BELAKANG).		
	Pelan 3D (ubahsui luaran) beserta skema warna cat yang dicadangkan.		

Contoh: Perakuan Pemilik yang perlu diletakkan dalam setiap helaian Pelan.

Saya/Kami sebagai pemilik-pemilik kediaman mengaku akan mematuhi kelulusan pelan ini serta mengambil segala tanggungjawab yang timbul akibat daripada kerja-kerja pengubahsuaian yang dilaksanakan. Sekiranya melencong daripada pelan yang diluluskan ini, saya/kami bersetuju untuk dikenakan tindakan undang-undang termasuk merobohkan binaan yang tidak dibenarkan tersebut, dan melepaskan Perbadanan Putrajaya dari segi liabiliti.

AA Arkitek/Putrajaya/P10/2014 (...)

1 Oktober (Tarikh yang dikemukakan melalui sistem)

UB 610 - CONTOH
Surat Permohonan Kelulusan
Pelan Kerja-Kerja Ubahsuai (UB)

PERBADANAN PUTRAJAYA

Kaunter Pusat Setempat (OSC)

24 Persiaran Perdana

Presint 3

62675 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

(u/p: Bahagian Kawalan Bangunan dan Rekabentuk Bandar)

Tuan,

PERMOHONAN KELULUSAN PELAN KERJA-KERJA UBAHSUAI BAGI RUMAH BANGLO DI NO 72 (PT 1234), JALAN P7/7, PRESINT 7, 62100 PUTRAJAYA UNTUK ENCIK AHMAD ABDULLAH DAN PUAN YATI ABU

Dengan hormatnya saya merujuk kepada permohonan di atas.

2. Saya sebagai *Orang Utama Yang Mengemukakan (PSP)*, ingin mengemukakan permohonan Kelulusan Pelan Kerja-Kerja Ubahsuai yang melibatkan skopkerja seperti berikut;

- i. menambah bumbung di tepi rumah,
- ii. menambah bumbung polycarbonate di ruang dry yard,
- iii. menambah lantai di ruang dry yard,
- iv. meroboh lantai di ruang dry yard,
- v. meroboh dinding antara wet dan dry kitchen,
- vi. mendirikan sebuah wakaf,
- vi. mendirikan sebuah pergola,
- vii. menganjak dinding balkoni di tingkat 1.

Kepatuhan kpd:
Jadual 1/3 open space, 1/10 non-residential.
-1m unjuran dan,
-pencahayaan & pengudaraan
semulajadi (rujuk UUKBS (Sel 1986))

3. Saya mengesahkan bahawa kerja-kerja masih belum dimulakan di tapak dan mengaku mengambil bertanggungjawab untuk memastikan **tiada sebarang kerja-kerja pembinaan dimulakan oleh saya atau pemilik** sehingga suatu kelulusan bertulis diperolehi daripada Perbadanan dan sekiranya ingkar, suatu penalti sebanyak sehingga 20 kali ganda fi boleh dikenakan terhadap saya sebagai *Orang Utama Yang Mengemukakan (SP)*.

Sekian, dikemukakan permohonan ini untuk pertimbangan dan kelulusan pihak tuan.

tandatangan PSP

(NAMA PSP, SEBAGAIMANA MYKAD)

AAA ARKITEK SDN.

CONTOH BORANG A

UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN SERAGAM (SELANGOR) 1986

BORANG A

PERAKUAN PELAN-PELAN * ~~PERUNTUHAN~~/BANGUNAN/STRUKTUR
(bagi endorsemen atas pelan-pelan untuk dikemukakan untuk diluluskan)
(Undang-undang kecil 2B (2), 3(1)(c) dan 16(2))

02 JANUARI 2024

Kepada,

PERBADANAN PUTRAJAYA

Saya memperakui bahawa detail-detail dalam pelan-pelan iaitu **ABC/XYZ/P16/2021-01 hingga ABC/XYZ/P16/2021-20** atas *Lot/Lot-let **PT1234** Jalan **P10/5**, Presint **10**, Poskod **62100** bagi **CADANGAN PEMBANGUNAN RUMAH SESEBUAH 2 TINGKAT TERMASUK RUMAH PENGAWAL, SEBUAH KOLAM RENANG, SEBUAH KOLAM IKAN, SEBUAH GIMNASIUM, SEBUAH SURAU DAN SEBUAH GARAJ UNTUK ENCIK AMRAN BIN ISMAIL DAN PUAN SARAH BINTI MAJID** adalah menurut kehendak-kehendak Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (Selangor) 1986 dan saya setuju terima tanggungjawab penuh dengan sewajarnya.

Nota:

- No. pelan hendaklah mengikut turutan. Lampiran tidak dibenarkan.
- Tarikh Borang hendaklah dalam tempoh tujuh (7) hari daripada hari permohonan dikemukakan.
- Sila ruj. standard format contoh jadual & no. lukisan pengemukaan pelan.

.....
Orang Yang Mengemukakan

Nama.....

Alamat.....

.....

.....

.....

No. Pendaftaran

.....

Kelas

*Potong mana yang tidak berkenaan.

UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN SERAGAM (SELANGOR) 1986

BORANG A

PERAKUAN PELAN-PELAN * PERUNTUHAN/BANGUNAN/STRUKTUR

(bagi endorsemen atas pelan-pelan untuk dikemukakan untuk diluluskan)
(Undang-undang kecil 2B (2), 3(1)(c) dan 16(2))

.....20.....
(tarikh hari pengemukaan online)

Kepada,

PERBADANAN PUTRAJAYA

Saya memperakui bahawa detail-detail dalam pelan-pelan iaitu

.....
(* no.pelan ikut format yang ditetapkan)

atas *Lot/Lot-lot..... Jalan.....,

Presint.....,Poskod.....

bagi.....

.....
(tajuk projek ikut format yang ditetapkan)

adalah menurut kehendak-kehendak Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (Selangor) 1986 dan saya setuju terima tanggungjawab penuh dengan sewajarnya

.....
Orang Yang Mengemukakan

Nama :

.....

Alamat :

.....

No. Pendaftaran :

Kelas :

SURAT SOKONGAN JIRAN

PERBADANAN PUTRAJAYA
Komplek Perbadanan Putrajaya,
Presint 3
62675 PUTRAJAYA.

(u/p: Bahagian Kawalan Bangunan dan Rekabentuk Bandar)

Tuan,

Merujuk kepada cadangan pelan kerja-kerja ubahsuai yang telah ditunjukkan dan diterangkan sendiri oleh pemohon/pemilik kepada saya iaitu:

Nama Pemohon/Pemilik :
(dilengkapkan oleh pemohon/pemilik)

Alamat Kediaman :
:

Pada pendapat dan kefahaman saya setelah di terangkan mengenai cadangan tersebut, saya sebagai jiran yang bersebelahan dengannya (tandakan ✓ di salah satu kotak)

- **tiada halangan** dengan cadangan pengubahsuaian tersebut.
.....
Ulasan lain (jika ada)
.....
.....

- **tidak bersetuju** dengan cadangan pengubahsuaian tersebut.
.....
Ulasan lain (jika ada)
.....
.....

Nota: Sebarang kerja yang menyentuh dinding dua pihak (partywall) di antara 2 rumah adalah dilarang. Waktu bekerja 8.00pg-5.00ptg (Hari Sabtu, Ahad & hari kelepasan am tidak dibenarkan berkerja)

Sekian, terima kasih.

Yang Benar,

Tandatangan :
Nama :
Alamat :
:
Tarikh :
No. Telefon :

UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN SERAGAM (SELANGOR) 1986

BORANG B

NOTIS MEMULAKAN / PENYAMBUNGAN SEMULA KERJA BANGUNAN

(bagi endorsemen atas pelan-pelan untuk dikemukakan untuk diluluskan)

(Undang-undang kecil 2D dan 22)

.....20.....
(tarikh hari pengemukaan online)

Kepada,

PERBADANAN PUTRAJAYA

Saya memberi notis bahawa selepas tamat tempoh **4 hari** dari tarikh notis ini diterima saya bercadang untuk memulakan/
menyambung semula kerja bangunan iaitu;.....

atas *Lot/Lot-lot.....Seksyen.....

Jalan.....bagi.....

menuurut Pelan yang Diluluskan No

bertarikh.....

.....
Orang Yang Mengemukakan

Nama :

Alamat :

No. Pendaftaran:

Kelas :



**PANDUAN KIRAAN FI PELAN
BAGI PELAN KERJA-KERJA UBAHSUAI**

PERHATIAN: Panduan ini adalah bagi kegunaan tidak boleh dijadikan sebagai suatu kiraan fi muktamad oleh mana-mana orang. Kiraan fi berdasarkan kepada pelan yang dikemukakan oleh PSP/SP/Pelukis Pelan Berdaftar. Bagi sebarang pertanyaan, sila hubungi no. telefon: 03-8887-7039/7237.

1.	Jadual Pertama, Perenggan 6(1) - Bagi pelan-pelan yang dikemukakan untuk diluluskan mengenai perubahan kepada bangunan yang sedia ada, separuh daripada fi yang ditetapkan dalam perenggan 1 adalah kena dibayar						
2.	Jadual Pertama, Perenggan 6(2) - Jika perubahan-perubahan kepada sesuatu bangunan yang sedia ada dibuat pada amnya meliputi seluruh kawasan bangunan itu, maka fi yang kena dibayar hendaklah dihitung atas seluruh kawasan bangunan itu, tetapi jika sesuatu pecah bahagian nyata bangunan itu tidak terjejas oleh skim perubahan itu, pecah bahagian yang tidak terjejas itu hendaklah dikeluarkan dari kawasan yang atasnya fi itu hendak dihitung.						
3.	Jadual Pertama, Perenggan 6(3) -Jika sesuatu tingkat bangunan yang sedia ada tidak terjejas oleh perubahan kepada bangunan itu, tingkat itu hendaklah dikeluarkan dari kawasan yang atasnya fi yang kena dibayar bagi perubahan-perubahan itu hendak dihitung.						
Bil	Tingkat Bangunan (Setiap Blok)	Keluasan Lantai (sq.meter)	Keluasan Lantai Dikenakan Fi bagi setiap (sq.meter)	Kadar Fi (RM)	Fi Pelan (RM)	Fi Min (RM) (Luas ≤90m)	Fi kena bayar (RM)
		(a)	(b)	(c)	(d) = [(a)/(b) x (c)] x 50%	(e)	(d) atau (e) (mana lebih besar)
i.	Tingkat Bawah		9	RM14.00		RM140.00	
ii.	Tingkat Pertama		9	RM12.00		RM120.00	
iii.	Tingkat Ke 2		9	RM10.00		RM100.00	
iv.	Tingkat Ke 3		9	RM8.00		RM80.00	
v.	Tingkat Ke 4 & tingkat seterusnya		9	RM6.00		RM60.00	
vi.	Besmen Tertutup		9	RM6.00		RM60.00	
vii.	Besmen Terbuka		9	RM3.00		RM30.00	
(1) Jumlah Fi =							

4	Jadual Pertama, Perenggan 6(4) -Jika perubahan-perubahan kepada sesuatu bangunan yang sedia ada melibatkan suatu perubahan kepada garisan hadapan atau pelan tegak kepada sesuatu jalan (di mana pelan tegak itu bersempadanan dengan suatu jalan) fi yang berikut hendaklah dibayar apabila mengemukakan pelan-pelan bagi perubahan itu sebagai tambahan kepada fi yang kena dibayar.						
Bil	Jenis Perubahan	Bilangan Tingkat (a)	Kadar (RM)/tingkat (b)				Fi kena bayar (RM) (a)x(b)
i.	Perubahan kepada garisan hadapan		RM36.00				
ii.	Perubahan-perubahan kepada pelan tegak jalan		RM36.00				
(2) Jumlah Fi Kena Bayar =							


5	Jadual Pertama, Perenggan 6(5) -Jika perubahan kepada sesuatu bangunan yang sedia ada melibatkan hanya pecah bahagian bilik-bilik menjadi bilik-bilik yang lebih kecil, fi yang kena dibayar apabila mengemukakan pelan-pelan bagi perubahan itu ialah RM50.00 bagi satu bilik yang lebih kecil atau bilik kecil.						
Bil	Jenis Perubahan	Bilangan Pecahan Bilik (a)	Kadar (RM)/Bilik (b)				Fi kena bayar (RM) (a)x(b)
i.	Pecah bahagian bilik-bilik menjadi bilik-bilik yang lebih kecil.		RM50.00				
(3) Jumlah Fi Kena Bayar =							

7 Jadual Pertama, Perenggan 12 - Fi bagi permit yang dikeluarkan di bawah undang-undang kecil 18.							
Bil	Jenis Permohonan	Permohonan/skop (a)	Kadar Fi (RM) (b)				Fi kena bayar (RM) (a)x(b)
i.	Membina Pagar		RM100.00				
(4) Jumlah Fi Kena Bayar =							
8** Jadual Pertama, Perenggan 8 - Bagi pelan-pelan yang dikemukakan untuk diluluskan mengenai tembok penahan, fi yang kena dibayar ialah RM6.00 bagi 9 meter persegi atau sebahagiannya, bagi jumlah kawasan pelan tegaknya yang diukur daripada atas alasnya.							
Bil	Jenis Permohonan	Keluasan (sq. meter) (a)	Keluasan Lantai Dikenakan Fi bagi setiap (sq. meter) (b)	Kadar Fi (RM) (c)			Fi kena bayar (RM) (a)/(b) x (c)
i.	Tembok Penahan (Retaining Wall)		9	RM6.00			
(5) Jumlah Fi Kena Bayar =							
(6) JUMLAH KESELURUHAN FI KENA BAYAR =							

Nota:

- Fi Permohonan Kelulusan Pelan Kerja-Kerja Ubahsuai – (1) + (2) + (3);
- Fi Kelulusan Mendirikan Pagar – (4) + (5);
- Cek tunggal bagi apa-apa bayaran fi hendaklah dengan nama 'Perbadanan Putrajaya' & resit berasingan boleh dikeluarkan oleh Petugas Kaunter Kewangan;
- Semua Fi hendaklah dijelaskan tatkala permohonan dikemukakan melalui Sistem OSC PPj;
- Fi Berganda dalam nilai 20x Jumlah Keseluruhan Fi Kena Bayar (6) hendaklah dijelaskan ketika permohonan dikemukakan melalui Sistem OSC PPj, sekiranya sebarang kerja-kerja telah dimulakan di tapak tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada PPj;
- * bagi item 2 sekiranya perubahan/pindaan melibatkan 50% atau lebih keluasan lantai asal, maka fi akan dikenakan untuk keseluruhan luas lantai tersebut. Sekiranya kurang dari 50%, maka hanya luas lantai yang terlibat dengan perubahan itu sahaja yang akan dikenakan fi;
- ** luas dinding tembok penahan diukur dari atas tapak (footings).

Kiraan Kawasan Lapang – Rumah Teres



● **uuk 32 (2) (b)** setengah daripada lebar lorong belakang yang bersempadanan dengan sesuatu bangunan hendaklah dikira sebagai kawasan lapang;

● **uuk 31 (1) (b)** Apabila sesuatu ruang terbuka telah diperuntukkan berhubung dengan sesuatu bangunan menurut Undang-Undang Kecil ini, **tiada seorang pun**, tanpa kebenaran bertulis daripada pihak berkuasa tempatan **boleh** membina atau menyenggara atau membenarkan dibina atau disenggara suatu bumbung atas mana-mana bahagiannya yang akan mengurangkan kawasan ruang buka itu;

● **uuk 32 (1)**
Kawasan lapang bagi bangunan-bangunan yang bersempadanan dengan jalan dan lorong belakang hendaklah-
a) berkenaan dengan bangunan kediaman, **tidak kurang daripada satu pertiga daripada kawasan binaan lot** bangunan itu;

● **uuk 32 (2) (d)** kawasan lapang yang diperuntukkan di antara jalan dengan anjak belakang bagi suatu garis bangunan **rumah teres tidak boleh dikira sebagai kawasan lapang.**

Nota:

uuk 32 (2) (c) langkan, lalan dan pelindung matahari boleh mengunjur ke atas sesuatu kawasan lapang dengan syarat bahawa ia **tidak mengunjur lebih daripada 1 meter** dan unjuran itu hendaklah dikira sebagai kawasan lapang dan tidak sebagai kawasan binaan;


Kawasan Lapang di perlukan = A + B

Contoh Kiraan Kawasan Lapang bagi;

Teres Lot 20'x70'

Kawasan Binaan Lot (b x c)	= 72 m ² .
Kawasan Lapang (1/3(b x c)) = 1/3(72)	= 24 m ² .
(Jika) Lebar lorong belakang d = 6 m	
Luas kawasan lapang (A) berdasarkan uuk 32 (2) (b); [(1/2(6) x b)]	= 18 m ² . = (3m x 6m)
Baki (B) 6 m ² hendaklah diadakan di bahagian dalam anjakan belakang lot.	
(Jika) Lebar lorong belakang d = 4.5 m	
Luas kawasan lapang (A) berdasarkan uuk 32 (2) (b); [(1/2(4.5) x b)]	= 13.5 m ² .
Baki (B) 10.5 m ² hendaklah diadakan di bahagian dalam anjakan belakang lot.	

Kiraan Kawasan Lapang – Rumah Sesebuah dan Rumah Berkembar



uuk 33
Bagi bangunan atas lot yang bersempadanan dengan sesuatu jalan dan tidak mempunyai lorong belakang, **kawasan lapang** hendaklah ditempatkan di **bahagian belakang** bangunan itu dan hendaklah meluas **sepanjang lebar** lot itu.

uuk 32 (1)
Kawasan lapang bagi bangunan-bangunan yang bersempadanan dengan jalan dan lorong belakang hendaklah-
a) berkenaan dengan bangunan kediaman, **tidak kurang daripada satu pertiga daripada kawasan binaan** lot bangunan itu;

uuk 34 (1)
Tertakluk kepada kehendak-kehendak tertentu Bahagian VII, bagi sesuatu bangunan berasingan hendaklah terdapat tidak kurang daripada **2 meter ruang lega** yang diukur di antara hujung unjuran-unjuran bangunan itu dengan mana-mana sempadan lotnya dan 4 meter ruang lega di antara bangunan itu dengan sesuatu bangunan lain melainkan bangunan-bangunan itu terletak di dalam lot bangunan yang sama.

uuk 31 (1) (b) Apabila sesuatu ruang terbuka telah diperuntukkan berhubungan dengan sesuatu bangunan menurut Undang-Undang Kecil ini, **tiada seorang pun**, tanpa kebenaran bertulis daripada pihak berkuasa tempatan **boleh** membina atau menyenggara atau membenarkan dibina atau disenggara suatu bumbung atas mana-mana bahagiannya yang akan **mengurangkan kawasan ruang buka** itu;

uuk 31 (2)
Pihak berkuasa tempatan boleh dengan notis secara bertulis menghendaki pemunya atau mana-mana orang yang bertindak berlawanan dengan Bahagian ini supaya merobohkan apa-apa perubahan atau bumbung atau selainnya membuat apa-apa kerja yang akan memulihkan ruang terbuka itu.

uuk 34 (2) Bagi maksud Undang-Undang Kecil ini bangunan berkembar dua hendaklah disifatkan sebagai satu bangunan atas satu lot.

Contoh Kiraan Kawasan Lapang bagi;

Banglo Lot 600 m²

Kawasan Binaan Lot (a x b) = 294 sq.m.

Kawasan Lapang (1/3(b x c)) = 1/3(294) = 98 sq.m.